

Wee Tse dijemput oleh pihak penduduk Taman Bukit Kempas untuk melihat sendiri isu yang dialami mereka sejak bulan lalu selepas berlaku kebakaran di tapak pelupusan haram tersebut.

Katanya, kerajaan negeri memandang serius tentang isu pencemaran bau yang melanda penduduk di kawasan terjejas dan akan mengambil langkah penyelesaian dalam masa terdekat.

"Ini isu yang amat serius, saya sendiri dapat rasakan betapa teruknya situasi dialami penduduk daripada soal keselamatan dan kesihatan mereka. Saya memberi jaminan isu ini akan dapat diselesaikan dalam tempoh dua minggu.

"Kami mohon maaf kepada penduduk sekiranya perkara ini mungkin lambat sikit tapi kami berharap penduduk boleh bersabar sedikit dan beri kami sedikit masa untuk selesaikan masalah ini," katanya. - UTUSAN ONLINE